

MEMO

KEPADA : **En. Zahid Ismail**
Ketua Pengarah
Pejabat Ketua Pengarah MPC

MELALUI : **Dr. Mazlina Shafi'i**
Pengarah
Pejabat MPC Wilayah Sarawak

DARIPADA : **Cik Rabiatal Hana Ishak**
Pengurus
Pejabat MPC Wilayah Sarawak

TARIKH : Khamis, 23 November 2023

PERKARA : **PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN YURAN KURSUS
DAN PAKEJ MESYUARAT PROGRAM *PILOT IMPLEMENTATION OF
DIAGNOSIS RELATED GROUPS/CASEMIX SYSTEM IN PRIVATE
HOSPITALS***

YBrs. En. Zahid Ismail,

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

1. Untuk makluman tuan, satu kunjungan hormat telah diadakan di antara Pengurusan Tertinggi MPC dan YBhg. Datuk Abang Abdul Karim Tun Datuk Abang Openg, mantan Ahli Lembaga Pengarah MPC serta YBrs. Tn. Hj. Jefri Ahmad Tambi, Ahli Lembaga Pengarah MPC pada bulan Oktober 2023. Dalam sesi kunjungan hormat tersebut, MPC telah menyatakan hasrat untuk menyebar luas inisiatif Nexus Produktiviti Penjagaan Kesihatan Swasta (PHPN) ke negeri Sarawak. Antara inisiatif tersebut adalah *Pilot Implementation Diagnosis Related Group/Casemix System*.

2. Satu taklimat berkenaan program ini telah diadakan kepada KPJ Kuching Specialist Hospital dan Normah Medical Specialist Centre pada 15 November 2023. MPC Wilayah Sarawak berhasrat untuk memulakan projek rintis DRG bersama dua hospital ini. Pembangunan kapasiti DRG dijangka akan bermula pada bulan Disember 2023 dan berakhir pada Mac 2024, selepas mendapat setuju terima daripada 2 hospital berkenaan.

3. Program pembangunan kapasiti ini akan dilaksanakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Syed Mohamed Aljunid Syed Junid dan pasukannya yang merupakan pakar dalam sistem tersebut. Program pembangunan ini akan diadakan secara fizikal di Kuching, Sarawak dan dijangka tamat pada bulan Februari 2024. Yuran kursus sebanyak RM53,000 akan dibiayai sepenuhnya oleh MPC dan akan menggunakan peruntukan MPN-RFBPN (Kertas BOM: 0888/2023). Kos keseluruhan bagi dua hospital yang terlibat adalah RM106,000.



4. Untuk makluman tuan juga, tarikh penghantaran RO telah berakhir pada 15 November 2023. Justeru, MPC SKO juga ingin memohon kebenaran dan kelulusan tuan untuk proses pengisian RO program selepas tarikh tersebut.

5. Untuk makluman tuan juga, MPC akan menyediakan pakej mesyuarat bagi bengkel pembangunan tersebut. Justeru, kami juga ingin memohon kebenaran tuan dan kelulusan tuan untuk proses pengisian RO untuk pakej mesyuarat selepas tarikh 15 November 2023.

6. MPC SKO amat mengharapkan pertimbangan dan kelulusan tuan bagi meluluskan Permohonan Kelulusan Pembayaran Yuran Kursus dan Pakej Mesyuarat Program *Pilot Implementation Of Diagnostic Related Groups/Casemix System In Private Hospitals*. Segala perhatian dan pertimbangan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.


Sekian.

Disediakan oleh:



(RABIATUL HANA ISHAK)
Pengurus
Pejabat MPC Wilayah Sarawak

Disokong oleh:



(DR. MAZLINA SHAFI'I)
Pengarah
Pejabat MPC Wilayah Sarawak

Disyorkan oleh:



(MOHD KHAIRUL NAZIR NAWI)
Pengurus Kanan
Unit PCT MPC

Diluluskan/Tidak Diluluskan



(ZAHID ISMAIL)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

